



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 12/ 2024 (Disember 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Laksanakan, Perubahan Demi Kejayaan	6 Disember 2024M/ 4 Jamadilakhir 1446H
2.	Istiqomah Membebaskan Al-Aqsa	13 Disember 2024M/ 11 Jamadilakhir 1446H
3.	Mawaddah Warrahmah	20 Disember 2024M/ 18 Jamadilakhir 1446H
4.	Refleksi Diri	27 Disember 2024M/ 27 Jamadilakhir 1446H
	<b>Khutbah Kedua</b>	

دبىاىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبتكن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ



***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Istiqomah Membebaskan Al-Aqsa

13 Disember 2024M/ 11 Jamadilakhir 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَعَآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦﴾ سورة الأنفال

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النُّورُ الْهَادِي لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Khatib ingin menyeru agar kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan menunaikan segala perintah dan menjauhi tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat yang lain.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian, agar memberi fokus dan mendengar dengan sepenuh hati kandungan khutbah Jumaat hari ini. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan



dunia. Marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang akan mengangkat tajuk: **“Istiqomah Membebaskan Al-Aqsa.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada 7 Oktober 2023 yang lalu, telah tercetusnya Taufan Al-Aqsa. Peristiwa ini adalah rentetan daripada sebuah perjuangan membebaskan Al-Aqsa dari cengkaman Yahudi Zionis yang durjana.

Bagaimanakah gambaran kesan peristiwa tersebut sehingga kini? Ya, sudah puluhan ribu orang yang telah syahid, dengan lebih 70% adalah kanak-kanak dan wanita. Begitu juga puluhan hospital dan ratusan sekolah yang telah dimusnahkan. Angka-angka tersebut semakin meningkat dari hari ke hari.

Gambaran ini memberi isyarat bahawa (*genocide*) atau penghapusan kaum di Palestin sedang berjalan dengan rakusnya oleh Rejim Zionis Israel. Saban hari ada sahaja peristiwa yang menyayat hati dan tidakan yang zalim tanpa rasa belas kasihan diperlakukan oleh rejim tersebut terhadap umat Islam di Palestin. Masyarakat antarabangsa telah gagal untuk menghalang daripada perkara ini terus berlaku. Nilai-nilai yang sangat dibanggakan oleh masyarakat barat dan dakwaan mereka tentang undang-undang antarabangsa, hak asasi manusia, dan demokrasi telah runtuh.

Walaupun umat Islam di Palestin disakiti, dihenyak dan dibunuh, namun ia tidak melemahkan semangat mereka untuk terus berjuang. Zionis Israel menyangka dengan kekejaman yang mereka lakukan dapat melemahkan umat Islam dan membenamkan cahaya Islam di Gaza, tetapi mereka lupa bahawa Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** tidak akan sekali-kali



membiarkan perkara ini berlaku dan janji Allah adalah pasti. Allah berfirman dalam surah as-Saff ayat 8:

يُرِيدُونَ لِيُظْفِقُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut mereka tetapi Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya, meskipun orang kafir membenci-Nya.”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH SEKALIAN,**

Peristiwa Taufan Al-Aqsa telah memberikan isyarat yang jelas kepada Zionis Israel bahawa umat Islam Palestin akan sentiasa mempertingkatkan keupayaan mereka dalam membebaskan bumi Al-Aqsa. Walaupun dalam segala sekatan yang telah dikenakan oleh Rejim Zionis Israel dan sekutu mereka, umat Islam Palestin tetap berjaya mencipta roket, menghasilkan peluru serta merekabentuk sistem persenjataan yang tersendiri tanpa bergantung kepada teknologi luar.

Keupayaan umat Islam Palestin sungguh luar biasa. Ini adalah hasil daripada motivasi Qurani (قُرْءَانِي) yang membangkitkan semangat umat untuk sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam apa jua bentuk kekuatan. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud:

“Dan buatlah persediaan untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) dengan segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan berkuda yang lengkap supaya dapat menggentarkan musuh Allah, musuh kamu dan musuh selain mereka



*yang tidak kamu ketahui sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa-apa sahaja yang kamu belanja pada jalan Allah, nescaya akan disempurnakan balasan untuk kamu dan kamu tidak akan dizalimi.”*

## **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH SEKALIAN,**

Hakikatnya, gerak kerja pembebasan negara Palestin masih lagi panjang dan memerlukan penglibatan ramai pihak. Kita tidak boleh hanya berpeluk tubuh dan berdiam diri tanpa melakukan apa-apa tindakan. Jadilah sebahagian daripada “batu-bata” yang memperjuangkan kebebasan bumi Al-Aqsa. Keadaan ini menuntut penyelarasan gerak kerja yang baharu dan secara menyeluruh kerana kita meyakini bahawa Israel akan pasti jatuh. Cuma masa dan waktu sahaja yang akan menentukan bila akan berlaku.

Teruskanlah membantu dalam apa jua kapasiti yang kita ada sebagai saham di akhirat untuk membebaskan Palestin. Sumbangan boleh diberikan dalam bentuk sama ada wang ringgit, tenaga, idea dan sebagainya. Teruskanlah kempen boikot bagi yang mampu untuk dilaksanakan.

Suatu perkara yang ampuh dan mudah untuk dilakukan adalah doa. Sebahagian masjid masih lagi mengamalkan doa qunut nazilah dalam solat fardu dan ini perlu diteruskan sebagai tanda sokongan dan ingatan buat rakyat Palestin yang sedang berjuang. Allah berfirman dalam surah Ghafir ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ

جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾



Maksudnya: “Tuhanmu berfirman, “Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonanmu. Sesungguhnya orang yang sombong (takabbur) tidak mahu beribadah (dan berdoa) kepada-Ku, akan masuk ke neraka Jahannam dalam keadaan hina.”

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati tiga kesimpulan yang berikut:

**Pertama:** Kekejaman Rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin adalah suatu tindakan (*genocide*) yang perlu dihentikan dengan segera dan dibawa ke muka pengadilan.

**Kedua:** Umat Islam seluruh dunia perlu bersatu dalam memberikan sokongan kepada perjuangan umat Islam Palestin sehingga bumi Al-Aqsa dibebaskan sepenuhnya.

**Ketiga:** Taufan Al-Aqsa bukanlah sekadar peristiwa bahkan simbol kemenangan kepada mereka yang percaya bahawa di masa hadapan negara yang bebas dan berdaulat boleh dicapai tanpa tunduk kepada sebarang tekanan dari luar.

Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam surah al Isra' ayat 7:

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسُوءُوا

وَجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا تَتْبِيرًا ﴿٧﴾



Maksudnya: “Jika kamu berbuat baik (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan itu adalah untuk diri kamu sendiri. Dan jika kamu berbuat jahat, maka (kesannya yang buruk) itu bagi diri kamu sendiri dan apabila datang saat hukuman bagi (membalas perbuatan derhaka kamu) yang kedua, (Kami bangkitkan musuh kamu) untuk menyuramkan wajah kamu (dengan penghinaan dan keanasannya), lalu mereka masuk ke dalam masjid (masjid Al-Aqsa) sebagaimana ketika mereka memasukinya pertama kali dan mereka membinasakan apa-apa sahaja yang dikuasai mereka dengan sehancur-hancurnya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua  
Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti  
Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf  
sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis  
Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan  
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ



يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤١﴾

